

24 APRIL 2018

Suami isteri ditahan bersama dadah RM1.55j

## 36 DALAM NEGERI

Hasil serbuan rumah sewa di Tanjung Lumpur

# Suami isteri ditahan bersama dadah RM1.55j

Oleh **NURUL NADIRA SHAARI**  
utusan@utusan.com.my

■ Kuantan 23 APRIL

**P**OLIS menumpaskan satu sindiket pengedaran dadah dipercayai terbesar di daerah ini melibatkan rampasan bernilai RM1.55 juta yang didalangi pasangan suami isteri selepas menyerbu rumah sewa mereka di Tanjung Lumpur, di sini Jumaat lalu.

Dalam serbuan kira-kira pukul 10 pagi itu, polis menahan suspek lelaki berusia 31 tahun dan isterinya, 30, yang berasal dari Terengganu serta dipercayai baru berjinak-jinak dengan aktiviti pengedaran dadah di sekitar daerah ini dan Kemaman, Terengganu.

Ketua Polis negeri, Datuk Seri Rosli Ab. Rahman berkata, kesemua barang rampasan tersebut

ditemukan di sebuah bilik di tingkat atas rumah berkenaan.

"Kita merampas empat bungkusan plastik dipercayai syabu seberat 4.15 kilogram dan 36,000 pil yaba seberat 4.08 kilogram dengan anggaran keseluruhan dadah berkenaan RM1.55 juta.

"Kita turut menyita selaras senapang angin, kenderaan pacuan empat roda Triton, kereta Suzuki Swift, motosikal Yamaha, barang kemas, komputer riba serta wang tunai RM6,707. Nilai keseluruhan rampasan ialah RM211,287.60," katanya dalam sidang akhbar di Ibu pejabat Kontinjen Polis Kontinjen di sini hari ini.

Menurut Rosli, siasatan mendapati pasangan suami isteri yang tinggal di rumah sewa mereka sejak dua tahun lalu bergerak secara sendirian dan dipercayai cuba mencari pengedar kecil-

kecil bagi menjalankan aktiviti pengedaran di sekitar daerah ini.

Katanya, saringan awal mendapati kedua-dua suspek negatif dadah dan tidak mempunyai rekod jenayah lampau.

Tambahnya, polis akan menjalankan siasatan lanjut berhubung kes tersebut bagi mengenal pasti sumber bekalan dadah diperolehi dan rangkaian pengedaran yang terlibat.

"Kedua-dua suspek ditahan reman sehingga 26 April ini dan kes disiasat di bawah Seksyen 39(b) Akta Dadah Berbahaya 1952 serta Seksyen 8(a) Akta Senjata 1960.

"Jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman gantung sampai mati bagi pemilikan dadah dan dipenjarakan maksimum tujuh tahun atau denda maksimum RM10,000 atau kedua-duanya untuk pemilikan senjata api," katanya.



ROS LI AB. RAHMAN (tengah) bersama pegawainya menunjukkan pelbagai jenis dadah bernilai RM1.55 juta yang dirampas dalam serbuan ke rumah sewa pasangan suami isteri semasa sidang akhbar di Ibu pejabat Polis Kontinjen (IPK) Pahang di Kuantan, semalam. - UTUSAN/AHMAD ZAKKI JILAN